

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Title : MESYUARAT TAHUNAN KE-9 BAKTI (PEMBUKAAN)  
Location : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Date : 01-07-1986

Para hadirin sekalian, Saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan bersyukur bahawa Mesyuarat ini telahpun selamat dan sempurna dijalankan.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Tadbir yang baru dan berharap bahawa kita akan bekerja dengan baik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah bagi ahli-ahli dan masyarakat.

3. Saya memperingati ahli-ahli mengenai Walkathon 1986 dan berharap kita akan mencari seberapa banyak derma yang boleh dan akan menghadiri Walkathon itu dengan keluarga masing-masing.

4. Saya juga ingin memperingati ahli-ahli bahawa pada bulan Mei 1987, BAKTI akan meraikan ulangtahunnya yang ke-10. Mungkin ahli-ahli ingin mencadangkan sesuatu perayaan kelak.

5. Diperingati juga bahawa negara kita akan mengadakan Pilihanraya Umum tahun depan jika tidak diadakan pada tahun ini. Sebagai isteri kepada para pemimpin sekarang, perlu kita menghadapi segala cabaran dan memberi sokongan yang penuh kepada suami dan parti ketika tibanya pilihanraya.

Saya berharap dan berdoa semoga kita akan bersama semula kelak, insya-Allah.

6. Sementara itu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli yang membawa kueh untuk Mesyuarat ini dan membantu dalam apa cara pun untuk menjayakannya. Semoga Allah Subhanahu Wataala merestui Mesyuarat kita ini dan memberi taufik dan hidayahNya kepada kita semua untuk bersatu dan berbakti kepada masyarakat.

Selamat bertugas dan terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.